

**Bahagian A**

[ 50 markah ]

*Jawab mana-mana lima soalan sahaja.*

1. (a) Jelaskan taraf perintis [2 markah]  
 (b) Rajah 1 menunjukkan sejenis analisis yang digunakan untuk menilai kesan faktor dalaman dan luaran terhadap sebuah perniagaan mencuci kereta



Gambar 1

- i) Jelaskan faktor yang sesuai bagi menggambarkan “O” dalam analisis perniagaan tersebut pada gambar 1 [4 markah]
- (c) Apakah yang perlu dilakukan oleh peniaga apabila pasaran menjadi tepu [4 markah]
2. Malumat berikut adalah berkaitan dengan penyataan objektif perniagaan Succes Furniture Sdn Bhd.

*SUCCES FURNITURE SDN.  
 BHD.  
 “Kepuasan Anda Keutamaan  
 Kami”*

*Objektif:*

- *Menghasilkan perabot berkualiti tinggi dengan reka bentuk terkini.*
- *Menjual 150 unit set bilik tidur dan 200 set ruang tamu dalam sebulan.*
- *Jualan bagi pasaran tempatan meningkat sebanyak 5% sebulan dan dijangka meningkat 20% menjelang musim perayaan.*

- (a) Terangkan tiga ciri objektif bagi perniagaan Succes Furniture Sdn Berhad. [6 markah]

- (b) Nyatakan empat kesan sekiranya perniagaan Succes Furnitur Sdn Bhd gagal mencapai matlamat dan objektif yang telah ditetapkan. [4 markah]

3. (a) Pernyataan berikut berkaitan dengan visi Petronas.

Visi Petronas ialah **“untuk menjadi pembekal minyak yang terkemuka bukan sahaja di negara Malaysia, malahan pada peringkat antarabangsa”**.

Terangkan maksud visi. [2 markah]

- (b) Setiap bahagian fungsian saling bergantung dan memerlukan antara satu sama lain.

Nyatakan kepentingan interaksi dengan organisasi lain. [4 markah]

- (c) Gambar 2 di bawah menunjukkan salah satu aplikasi Teknologi Maklumat dalam Perniagaan.



Gambar 2

Terangkan aplikasi Teknologi Maklumat tersebut. [4 markah]

4. (a) Huraikan prosedur untuk menguruskan sumber teknologi. [6 markah]

- (b) Maklumat yang berikut berkaitan dengan Encik Jamil.

Encik Jamil memulakan perniagaan kilang kasut EZ-wear Sdn. Bhd. pada tahun 2005 dan memegang jawatan sebagai pengurus besar. Kilang kasutnya hanya mengeluarkan kasut sekolah dan keluarannya dipasarkan di seluruh negara. Pada tahun 2015, setelah perniagaan maju dalam pengeluaran kasut sekolah, Encik Jamil mengambil keputusan untuk menghasilkan kasut sukan, kasut wanita, kasut lelaki, dan kasut kanak-kanak.

Nyatakan dan lakarkan struktur organisasi yang paling sesuai bagi [4 markah]  
perniagaan Encik Jamil pada tahun 2015.

5. (a) Gambar berikut menunjukkan sumber pembiayaan luaran.



Gambar 3

Nyatakan kekuatan dan kelemahan jenis pembiayaan yang ditawarkan oleh TEKUN.

[4 markah]

- (b) Kenalpasti 3 pihak berkepentingan terhadap penyata kewangan. [3 markah]
- (c) Huraikan kelebihan berniaga sebagai satu peluang kerjaya untuk matlamat peribadi? [3 markah]
6. (a) Pernyataan di bawah berkaitan akta penubuhan perniagaan.

| Akta X  | Akta Y   |
|---|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>Merangkumi perniagaan Milikan tunggal dan Perkongsian</li> </ul> | <ul style="list-style-type: none"> <li>Menggabungkan ciri-ciri sebuah syarikat dan perkongsian konvensional</li> </ul> |

Nyatakan akta **X** dan **Y** yang berkaitan dengan penubuhan perniagaan di atas.

[2 markah]

- (b) Gambar di bawah menunjukkan Sijil Pendaftaran Perniagaan bagi perniagaan Terbilang Berjaya Resources yang telah mendaftarkan perniagaannya di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

**SSM**  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA

**PERAKUAN PEMBAHARUAN PENDAFTARAN  
AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956**

BORANG E (KAEDAH 13)  
No. Pendaftaran  
001799877-A

**TERBILANG JAYA RESOURCES**  
C-6-22A, JALAN PJU 10/4C, PLAZA SURIA,  
DAMANSARA DAMAI  
47830 PETALING JAYA  
SELANGOR

Dengan ini diperakui bahawa Perniagaan yang dijalankan dengan nama

**TERBILANG JAYA RESOURCES**

telah didaftarkan dari hari ini sehingga **24 MAC 2012** menurut peruntukan-peruntukan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, dengan nombor yang ditunjukkan di sini dan tempat utama perniagaannya di **C-6-22A, JALAN PJU 10/4C, PLAZA SURIA, DAMANSARA DAMAI, 47830 PETALING JAYA, SELANGOR.**

Jenis Perniagaan

MEMBEKAL DAN MENJUAL BAHAN BAKAAN, ALATULS, MEMBEKAL DAN MEMBAIKPULIH PERABUT, PENERBITAN BUKU, MAKANAN BERKEMAS ILAM, MEMBEKAL DAN MEMBAIK PULIH KOMPUTER, PENOKELAN DAN MEDIA CETAK, UHARBUAI DAN IBASAN DALAMAN, MEMBERSIH KAWASAN, MEMBEKAL MESIN-MESIN PEJABAT, KELENGKAPAN KEMUDAHAN AWAM, MEMBEKAL & MEMBAIKPULIH ALAT BAWA DINGIN (WINDOW SPLIT), MEMBEKAL ALAT KELENGKAPAN HOSPITAL DAN MAKMAL.

Bertarikh di **MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG** pada **25 MAC 2010.**

**DATO' AZMI BIN ARIFFIN**  
Pendaftar Perniagaan Semenanjung Malaysia

Issued by: msmsd. Doc: The Ma 27 (2) (3) (4) (5) (7) 2010

Gambar 4

Terangkan tanggungjawab yang perlu dipatuhi oleh pemilik Terbilang Jaya Resources setelah mendapat sijil Perakuan Perniagaan tersebut. [4 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Tony Tan dan Rakannya.

Tony Tan dan rakannya mengusahakan sebuah perniagaan yang menjual minuman. Mereka telah mendaftarkan perniagaannya iaitu Kedai Minuman Buah-buahan RelaxABC dan beroperasi di Taman Universiti Skudai, Johor. Tony dan rakannya memilih lokasi perniagaan di Taman Universiti kerana kepadatan pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di kawasan tersebut. Setiap hari, Tony dan rakannya berusaha mencipta produk minuman yang baharu supaya dapat mempelbagaikan jenis minuman buah-buahan untuk memenuhi kehendak pelajar pelajar Universiti Teknologi Malaysia (UTM) yang gemar minuman sejuk.

Jelaskan ciri-ciri keperibadian yang ada pada Tony dan rakannya. [4 markah]

### Bahagian B

[ 30 markah ]

*Jawab mana-mana dua soalan sahaja.*

7. (a) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah organisasi

*Syarikat Ruma Home Sdn Bhd merupakan pengeluar peralatan dekorasi rumah berkualiti tinggi berjenama Ruma yang baru ditubuhkan dengan modal berbayar syarikat sebanyak RM55 juta. Syarikat mempunyai sebuah kilang dengan bilangan pekerja seramai 50 orang dan ingin berkecimpung dalam pengeluaran peralatan dekorasi rumah yang berkualiti tinggi. Encik Jazzel merupakan pengurus besar syarikat memberitahu para pemegang saham bahawa syarikat berhasrat untuk menjadi pengeluar peralatan dekorasi rumah yang terunggul di rantau ASEAN dalam tempoh 5 tahun. Syarikat akan meningkatkan kapasiti pengeluaran yang mampu menembusi pasaran antarabangsa pada tahun hadapan.*

- (a) Huraikan faktor penyumbang semasa En Jazzel memulakan perniagaan Syarikat Ruma Sdn Bhd [4 markah]
- (b) Analisis faktor-faktor yang membawa perubahan persekitaran perniagaan bagi Syarikat Ruma Home Sdn Bhd . [6 markah]
- (c) Rajah di bawah ialah struktur organisasi Perniagaan Bakeri Pelangi



Cadangkan idea bagi sistem penggajian berdasarkan struktur organisasi Perniagaan Bakeri Pelangi. [5 markah]

8. (a) Huraikan serta terangkan tujuan penetapan setiap yang berikut sebagai panduan perniagaan. [6 markah]
- i. Visi
  - ii. Misi
  - iii. Objektif
- (b) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Encik Ragu

*Encik Ragu memulakan perniagaan runcit yang dikenali sebagai MyRagu Mini mart. Beliau membeli sebuah premis yang bersaiz 2 500 kaki di pinggir bandar melalui pinjaman bank. Beliau membeli sebuah van yang dibeli secara sewa beli untuk membolehkan beliau menghantar barang ke rumah **Error! Not a valid link.**pelanggannya. Untuk memudahkan urusan perakaunan perniagaan, beliau menggaji seorang kerana akaun dengan menyediakan komputer dan pencetak komputer. Beliau menjual pelbagai jenis barang pengguna dan memastikan stok barang sentiasa mencukupi.*

Jelaskan tujuan Encik Ragu menguruskan sumber fizikal perniagaannya. [4 markah]

- (c) Maklumat di bawah ini berkaitan dengan Syarikat APL Berhad yang menghasilkan pelbagai komponen elektronik bagi syarikat multinasional.

| Tahun | Untung bersih<br>(RM juta) | Rizab<br>(RM juta) |
|-------|----------------------------|--------------------|
| 2017  | 250                        | 50                 |
| 2018  | 300                        | 55                 |
| 2019  | 350                        | 100                |

Syarikat ingin meningkatkan operasi pengeluaran pada tahun 2020 untuk memenuhi satu kontrak luar negara. Syarikat memerlukan modal tambahan sebanyak RM300 juta untuk membina sebuah kilang baharu dan bangunan pentadbiran untuk tujuan tersebut. Syarikat juga bercadang untuk membeli beberapa lori untuk kegunaan perniagaan.

Cadangkan **satu** jenis sumber pembiayaan dalaman dan **satu** [5 markah] sumber pembiayaan luaran kepada Syarikat APL Berhad untuk mendapatkan modal tambahan berkenaan.

9.

JUARA CHENGGAL ENTERPRISE membekalkan perabot di Kawasan sekitar Kulai dan telah beroperasi sejak tahun 2005. JUARA CHENGGAL ENTERPRISE berjaya meluaskan pasarannya ke seluruh Negeri Johor apabila permintaan yang sangat tinggi dan produk yang sangat berkualiti tinggi.

| Jenis Nisbah                       | 2018      | 2019      |
|------------------------------------|-----------|-----------|
| <b>a) Nisbah kecairan</b>          |           |           |
| i. Nisbah Semasa                   | 1.89 kali | 1.97 kali |
| <b>b) Nisbah kecekapan</b>         |           |           |
| i. Pusing Ganti Stok               | 5.45 kali | 6.60 kali |
| ii. Pusing Ganti Aset              | 1.32 kali | 1.26 kali |
| <b>c) Nisbah Untung</b>            |           |           |
| i. Peratusan Margin Untung kasar   | 42.0%     | 44.3%     |
| ii. Peratusan Margin Untung Bersih | 5.2%      | 5.0%      |
| iii. Peratusan Pulangan atas Modal | 3.5%      | 6.29%     |
| iv. Peratusan Untung Tokokan       | 16.2%     | 16.1%     |

(a) Berdasarkan jadual perbandingan jenis-jenis Nisbah Kewangan bagi Perniagaan Juara

Chenggal Enterprise bagi tahun 2018 dan tahun 2019, terangkan:

- i. Nisbah pusing ganti aset [1 markah]
  - ii. Nisbah peratusan pulangan atas modal [1 markah]
  - iii. Huraikan prestasi Perniagaan Juara Chenggal Enterprise berdasarkan tiga analisis nisbah asas bagi tahun 2019. [3 markah]
- (b) Berdasarkan jadual perbandingan jenis-jenis Nisbah kewangan di atas, terangkan trend semasa yang berlaku kepada perniagaan Juara Chenggal Enterprise. [4 markah]
- (c) Terangkan faktor luaran yang mempengaruhi perubahan visi, misi dan objektif perniagaan. [6 markah]

### **Bahagian C**

[ 20 markah ]

*Soalan ini **wajib** dijawab*

10. DD Frozen Food Hairul dan Halim telah dibuka sejak 5 tahun lalu secara bersama antara Encik Halim dan Encik Hairul dalam perniagaan sejuk beku. Produk yang dikeluarkan seperti Daging Perap BBQ, Kambing Perap BBQ, Kepak Perap Madu, Ayam Percik Johor dan Sate Goreng. Mereka berdua telah memulakan perniagaan dengan menggunakan wang simpanan masing-masing. Encik Hairul merupakan seorang yang berpengalaman dalam masakan. Beliau telah mencipta rempah perapan yang enak melalui produk yang dikeluarkan. Encik Halim pula pernah menjawat jawatan sebagai Pengurus syarikat pembekal makanan sejuk beku.

Oleh kerana minat untuk membuka perniagaan sendiri maka mereka berdua telah mencipta resepi sendiri untuk produk jualannya. Encik Hairul bertanggungjawab sebagai pengurus pengeluaran manakala Encik Halim bertanggungjawab sebagai pengurus pemasaran/. Keputusan yang dibuat adalah tepat apabila produk keluaran DD Frozen Hairul dan Halim mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pengguna. Jumlah keuntungan semakin meningkat

tahun demi tahun.

Namun, DD Frozen Food Hairul dan Halim sedang menghadapi masalah pada tahun ini apabila berlaku masalah pandemic Covid 19 yang melanda seluruh dunia. Perniagaan terpaksa ditutup kerana mengikut Standard Prosedur Operasi yang telah disediakan oleh kerajaan bagi mengekang masalah penularan Covid 19. Hal ini menyebabkan jumlah jualan merosot manakala jumlah kos semakin meningkat. Berikut merupakan Penyata aliran tunai DD Frozen Food Hairul dan Halim bagi bulan Januari hingga Mac 2021.

Penyata Aliran Tunai DD Frozen Food Hairul dan Halim Januari - Mac

| Butir                    | Januari<br>RM | Februari<br>RM | Mac<br>RM |
|--------------------------|---------------|----------------|-----------|
| Baki b/b                 | 150000        | 139500         | 114000    |
| <b>PENERIMAAN</b>        |               |                |           |
| Jualan                   | 80000         | 75000          | 70000     |
| Pinjaman                 | 10000         | 10000          | -         |
| <b>Jumlah Penerimaan</b> | 90000         | 85000          | 70000     |
| <b>PEMBAYARAN</b>        |               |                |           |
| Kos Jualan               | 80000         | 90000          | 80000     |
| Gaji                     | 15000         | 15000          | 15000     |
| Sewa                     | 3500          | 3500           | 3500      |
| Utiti                    | 2000          | 2000           | 2000      |
| <b>Jumlah Pembayaran</b> | 100500        | 110500         | 100500    |
| <b>Lebihan/Kurangan</b>  | (10500)       | (25500)        |           |
| Baki h/b                 | 139500        | 114000         |           |

Pihak DD Frozen Food Hairul dan Halim perlu memikirkan cara untuk meningkatkan semula jualan produknya supaya mereka tidak mengalami kerugian yang teruk. Kerugian yang berpanjangan akan memberikan kesan yang negatif kepada perniagaan mereka. Walaupun musim pandemic covid 19 belum berakhir, pihak DD Frozen Food Hairul dan Halim seterusnya perlu membuat perancangan yang lebih teliti sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi supaya dapat meningkatkan jualan mengikut perancangan misi, visi dan objektif perniagaan mereka.

- (a) Jelaskan bentuk pemilikan perniagaan DD Frozen Food Hairul dan Halim. [3 markah]
- (b) Terangkan peranan bahagian fungsian yang dijalankan oleh Encik Hairul? [4 markah]
- (a) Berdasarkan maklumat Penyata Aliran Tunai DD Frozen Food Hairul dan Halim, Hitungkan Jumlah lebihan atau kurangan yang dialami oleh DD Frozen Food Hairul dan Halim pada bulan Mac. Jelaskan dapatan anda. [5 markah]
- (d) Pada pendapat anda, adakah perniagaan DD Frozen Food Hairul dan Halim berjaya mencapai misi, visi dan objektif perniagaan mereka. Jelaskan kesan terhadap perniagaan mereka. [4 markah]
- (e) Terangkan **dua** elemen campuran pemasaran yang berkaitan yang dapat meningkatkan lagi jumlah jualan perniagaan DD Frozen Food Hairul dan Halim. [4 markah]